



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2025 (APRIL)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



HARIAN METRO
11.04.2025
(JUMAAT)

PEMBANTU OPERASI DIDAKWA TERIMA RASUAH RM15,000

Minta 'upah' untuk perakuan

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang pembantu operasi didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM15,000 sebagai 'upah' memperakui perakuan siap kerja pembaikan di sebuah institusi pengajian tinggi di negeri ini, tiga tahun lalu.

Mohd Rizuan Muhamad, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dibacakan dan diterangkan semua pertuduhan berkenaan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Rizuan sebagai Pembantu Operasi N11 yang memangku tugas Pembantu Kemahiran H19 di Kolej Matrikulasi Melaka (ketika kejadian) didakwa meminta suapan untuk dirinya sendiri berjumlah RM10,000 daripada seorang lelaki berusia 43 tahun di sekitar kawasan Kampung Padang, Pokok Mangga, pada 14 Ogos 2022.

Sebagai dorongan untuk memperakui Perakuan Siap Kerja bagi Kerja-Kerja Pembaikan Jenang dan Frame Tingkap Nako Asrama serta Lain-Lain Kerja di institusi berkenaan yang berjumlah RM484,580.

Bagi dua lagi pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima suapan RM2,000 dan RM3,000 daripada individu sama bagi tujuan sama serta di tempat sama

pada 15 Ogos dan 28 September 2022.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum berpandukan Seksyen

24(1) akta sama, sabit kesalahan membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sherina Farhana Nor

Sa'ari mencadangkan ikat jamin RM18,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta syarat pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM negeri Melaka.

Peguam, Mohd Nazri Abd Hamid merayu jaminan rendah dengan alasan tertuduh kini berkhidmat di

sebuah sekolah rendah dengan pendapatan RM2,800 sebulan selain menanggung isteri dan ibu uzur.

Mahkamah membenarkan tertuduh dilepaskan dengan jaminan RM10,000 berserta syarat dipohon pendakwaan sementara menunggu perbicaraan selesai dan menetapkan 30 Mei ini untuk sebutan semula kes itu.

MOHD Rizuan (kiri) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Tarikh 30 Mei
ditetapkan untuk
sebutan semula kes



HARIAN METRO
11.04.2025
(JUMAAT)

895 kertas siasatan babit rasuah dibuka

Kuala Lumpur: Sebanyak 895 kertas siasatan dibuka di negeri Sabah membatkan isu rasuah bagi tempoh 2021 hingga Mac tahun ini dengan tangkapan seramai 290 orang.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, dalam tempoh itu, SPRM Sabah menerima sebanyak 2,038 maklumat atau aduan di mana secara purata setahun maklumat diterima antara 460 ke 560 maklumat.

Menurutnya, dari segi kertas siasatan pula terbahagi kepada dua iaitu interim dan satu lagi siasatan secara terbuka.

"Bagi siasatan terbuka di Sabah sebanyak 246 kertas siasatan manakala bagi interim sebanyak 649 kertas siasatan.

"Dalam tempoh itu, sebanyak 290 tangkapan di-

lakukan dengan 287 pertuduhan dilakukan dan 172 orang disabitkan atas kesalahan rasuah," katanya dalam rancangan di Radio SabahFm, semalam.

Azam berkata, seramai 90 anggota SPRM bertugas di Sabah bagi menangani isu rasuah di negeri itu di mana satu kertas siasatan memerlukan lima pegawai namun jika kes berskala besar 10 pegawai diperlukan untuk menyiasat.

"Sebanyak 172 sabitan berjaya dilakukan itu juga menunjukkan efektif SPRM Sabah dan menunjukkan keberkesanan dalam siasatan kerana jika dibawa ke mahkamah mestilah fakta mencukupi dan mencapai 85 peratus pertuduhan.

"Kita tidak mahu bawah 70 peratus kerana ia melambangkan tidak berkesan dalam siasatan yang dilakukan," katanya.



HARIAN METRO
11.04.2025
(JUMAAT)

SKANDAL RASUAH ADUN SABAH

SPRM tunggu keputusan analisis 10 video

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menunggu keputusan analisis 10 video dakwaan skandal rasuah membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah yang berkait isu pelesenan lombong mineral masih diteruskan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki (*gambar*) berkata, sebelum ini, pihaknya menghantar video itu ke Makmal Forensik SPRM di mana makmal itu diiktiraf Jabatan Standard Malaysia dan mempunyai kepakaran.

Menurutnya, analisis dan hasil laporan menunjukkan video itu adalah tidak tulen dan banyak berlaku suntingan.

"Pegawai makmal forensik memaklumkan berlaku banyak pecahan pada frame video itu menunjukkan berlaku suntingan.

"Dalam kita menjalan-

kan siasatan kita mengambil kira perkara ini maka ia tidak boleh digunakan sebagai keterangan menyebabkan tiada sebarang pengesahan dan tidak tahu siapa yang benar sama ada Albert Tei (pemberi maklumat) atau Adun," katanya dalam rancangan di Radio Sabah FM, semalam.

Azam berkata, hanya baru-baru ini sahaja beliau (Albert) hendak berkongsi video yang dikatakan tulen dan ia sudah dihantar ke makmal forensik untuk di analisis.

"Saya sedang menunggu laporan analisis itu kerana ia membabitkan 10 video dan tidak pasti durasinya dan mungkin lebih panjang daripada video sebelum ini.

"Walau bagaimanapun seperti saya tegaskan sebelum ini walaupun ke-

putusan laporan belum diperolehi, semua yang terabit kita sudah panggil dan menayangkan video itu untuk mendapatkan pengesahan cuma siasatan itu tidak boleh saya dedahkan lagi hasilnya," katanya.

Beliau berkata, dakwaan rasuah membabitkan Adun itu bukan satu perkara yang boleh disembunyikan dan pihaknya masih menjalankan siasatan.

"Saya sudah beritahu

sebelum ini, ada dua kertas siasatan dibuka iaitu terhadap Al-

bert dan bekas ketua pegawai eksekutif Sabah Mineral Management (SMM) dan membabitkan lapan Adun itu serta video itu.

"Jadi semua pihak perlu faham dan saya dah jelas banyak kali...jadi saya harap semua kena bersabarlah. Dalam kita menjalankan siasatan ini kita tidak *fully guided* (ikut telunjuk) kita bukan ikut cakap *public opinion* (pendapat awam) sebaliknya ada prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi," katanya.

Sebelum ini sebuah portal berita tempatan melaporkan terdapat sekurang-kurang lapan rakaman video yang mengaitkan beberapa Adun negeri ini didakwa membincangkan 'rasuah' bernilai ratusan ribu ringgit yang diberikan kepada mereka sebagai balasan untuk mendapatkan projek di Sabah.





SINAR HARIAN
11.04.2025
(JUMAAT)

Sitaan SPRM tertinggi libatkan kes Ismail Sabri

RM177 juta termasuk
wang tunai dan emas

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan jumlah sitaan sebanyak RM483,386,441 dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, dengan nilai sitaan tertinggi melibatkan kes bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, jumlah sitaan berkenaan dicatatkan dari 1 Januari hingga 31 Mac lalu di bawah Akta SPRM 2009.

"Untuk kes Datuk Seri Ismail Sabri, SPRM sita lebih kurang RM177 juta, yang telah saya tunjukkan dalam sidang akhbar baru-baru ini tentang jumlah yang kita telah sita merupakan wang tunai dan juga termasuk emas berbentuk bar (jong-kong) itulah yang termasuk dalam RM487 juta ini.

"Paling besar sitaan sekarang ini adalah kes Datuk Seri Ismail Sabri, iaitu RM177 juta. Itu jumlah yang paling besar sitaan kes," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Cakna Rasuah SPRM Bersama Media Sabah, di sini, pada Khamis. Azam berkata,

jumlah aset dan wang yang dibekukan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan serta Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 adalah sebanyak RM548,978,525.

Tambahnya, setakat ini, jumlah aset yang telah dilucut hak dan dimasukkan ke dalam akaun kerajaan di bawah ketiga-tiga akta berkaitan termasuk Akta Tatacara Jenayah adalah sebanyak RM603,363.29.

"Ini menunjukkan bahawa kami sedang giat berusaha untuk menyelesaikan kes-kes lain bagi tujuan pelucutan hak sama ada secara rasmi mahupun melalui penalti dan kompaun, di mana setakat ini jumlah penalti atau kompaun yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak RM412,000," jelasnya.

Menurut Azam, sehingga 31 Mac lalu, sebanyak 319 kertas siasatan telah dibuka oleh SPRM.

"Jumlah tangkapan yang dibuat adalah seramai 401 individu, manakala 146 individu telah dituduh di mahkamah," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa usaha SPRM dalam menyelesaikan kes dilakukan secara berterusan, bukan sahaja bagi tujuan pendakwaan, tetapi juga pemulihan aset.



SINAR HARIAN
11.04.2025
(JUMAAT)

10 video dakwaan rasuah ADUN Sabah dianalisis SPRM

KOTA KINABALU - Sepuluh video yang dikemukakan kepada SPRM berkaitan dakwaan penglibatan ADUN Sabah dalam rasuah kini sedang dianalisis.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, penelitian yang rapi perlu dilakukan seperti yang dilakukan terhadap lapan video yang disiarkan oleh *Malaysiakini* sebelum ini.

"Bila dikemukakan video yang baharu ini, ia dalam kajian dan analisis bahagian forensik SPRM dan laporannya belum dikeluarkan lagi.

"Seperti saya maklumkan sebelum ini, bahagian forensik SPRM telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan sebarang analisis yang dibuat adalah berkredibiliti dalam menilai video tersebut sama ada boleh dijadikan bukti dalam siasatan atau sebaliknya.

"Ini memandangkan dalam lapan video yang dianalisis sebelum ini menunjukkan terdapat banyak unsur suntingan dan sebagainya, dan menyebabkan ia tidak mempunyai kredibiliti untuk dijadikan bahan bukti dalam siasatan," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Cakna Rasuah SPRM Bersama Media Sabah di sini, pada Khamis.

Sementara itu, Azam turut memaklumkan bahawa siasatan terhadap lapan ADUN terbabit dan seorang individu dikenali sebagai Albert Tei tetap diteruskan walaupun kesahihan video tersebut masih belum disahkan.

"Saya telah mengarahkan pegawai saya memanggil semua kembali termasuk Albert Tei dan beliau juga akan dipanggil semula untuk menyerahkan beberapa dokumen lagi yang kita perlukan bagi menyiasat dakwaannya sebelum ini.

"Kita juga memanggil lapan ADUN ini untuk memberi penjelasan, walaupun belum ada lagi pengesahan daripada bahagian forensik," katanya.



SINAR HARIAN
16.04.2025
(RABU)

Rasuah lebih RM10 juta: Tiga anggota Imigresen KLIA direman

KUANTAN - Tiga anggota Jabatan Imigresen yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) direman tujuh hari bermula Selasa bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan lebih RM10 juta.

Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek yang berusia dalam lingkungan 40-an itu dikeluarkan oleh

Majistret Nor Izzati Zakaria selepas permohonan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketiga-tiga suspek yang berjawatan Gred KP2, ditahan dalam satu operasi serentak sekitar Kuala Lumpur, Nilai dan Johor Bahru, pada Isnin lalu.

Penahanan itu hasil siasatan terhadap kegiatan sindiket membawa masuk warga asing tanpa melalui pro-

ses pemeriksaan sah di pintu masuk negara yang dipercayai aktif sejak 2021 hingga 2024.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Pahang, Mohd Shukor Mahmud mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti penglibatan individu lain dalam sindiket berkenaan.



SINAR HARIAN
16.04.2025
(RABU)

Pemimpin kanan Bersatu direman kes rasuah projek tambak laut RM44 juta

MELAKA - Seorang pemimpin kanan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) bergelar Datuk Seri direman enam hari bermula Selasa bagi membantu siasatan menerima suapan projek tambak laut di Melaka bernilai RM44 juta.

Perintah reman sehingga Ahad ini dikeluarkan oleh Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman terhadap suspek berusia 61 tahun itu selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Individu yang juga merupakan pengarah sebuah syarikat itu direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Terdahulu, lelaki berkenaan tiba di Mahkamah Melaka dengan berpakaian lokap SPRM pada jam 9 pagi dengan menaiki kenderaan khas SPRM.

Sumber berkata, suspek ditahan di pejabat SPRM Melaka, jam 4.55 pada petang Isnin berhubung projek tambakan laut di Kota Laksamana membabitkan nilai itu sejak lima tahun.

Menurut sumber, suspek yang juga bekas Timbalan Speaker Dewan Negara didakwa menerima rasuah berbentuk harta membabitkan empat kenderaan mewah sebagai timbal balik projek berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.



HARIAN METRO
16.04.2025
(RABU)

KONTRAK KERJA TAMBAK LAUT

Pemimpin kanan parti politik direman

Melaka: Ahli perniagaan yang juga pemimpin kanan sebuah parti politik ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan meminta suapan berhubung kontrak kerja penambakan laut antara 2021 hingga 2023.

Majistret Sharda Shein-ha Mohamed Suleiman membenarkan perintah reman terhadap suspek yang juga pengarah sebuah syarikat berusia 61 tahun itu selama enam hari hingga 20 April ini.

Menurut sumber suspek bergelar Datuk Seri itu didakwa menerima dan menerima suapan termasuk

dalam bentuk harta iaitu empat kenderaan mewah ketika menjawat jawatan Timbalan Speaker Dewan Negara sebelum ini bagi projek tambakan pasir berjumlah RM44 juta.

Katanya, suspek ditahan jam 4.55 petang kelmarin di pejabat SPRM Melaka.

Terdahulu, suspek tiba di Kompleks Mahkamah Air Keroh jam 9 pagi semalam menaiki kenderaan diiringi pegawai SPRM.

Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



PENGARAH syarikat bergelar Datuk Seri yang juga pemimpin kanan parti politik diiringi pegawai SPRM semasa hadir ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh.



HARIAN METRO
16.04.2025
(RABU)

RASUAH LEBIH RM10 JUTA BERI PELEPASAN WARGA ASING DI KLIA

Tiga pegawai JIM tali barut sindiket ditahan

Kuantan: Tiga pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin selepas disyaki menjadi sebahagian daripada sindiket membawa masuk warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membabitkan rasuah melebihi RM10 juta.

Tiga individu termasuk seorang wanita berusia 40-an itu ditahan secara berasingan di Kuala Lumpur, Nilai, Negeri Sembilan dan Johor Bahru, Johor, kelmarin.

Menurut sumber, sindiket dipercayai membawa masuk warga asing tanpa melalui pemeriksaan pihak berkuasa di pintu masuk negara bermula 2021 hingga 2024.

"Sindiket dipercayai

meraih rasuah jutaan ringgit yang turut diagihkan kepada anggota imigresen lain.

"Mereka menjadi tali barut bagi melepaskan kumpulan warga asing yang tiba tanpa melalui prosedur ditetapkan menerusi modus operandi *counter setting* di KLIA 1 dan 2," kata sumber itu.

Susulan penahanan itu, tiga pegawai itu direman selama tujuh hari sehingga 21 April ini bagi membantu siasatan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nor Izzati Zakaria selepas permohonan dibuat oleh SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Mohd Shukor Mahmud mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



TIGA individu termasuk seorang wanita berusia 40-an itu ditahan secara berasingan di Kuala Lumpur, Nilai, Negeri Sembilan dan Johor Bahru, Johor, kelmarin.



SPRM jejak Sofian

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan seorang lelaki bagi membantu siasatan kes rasuah.

Dalam kenyataan, SPRM memaklumkan lelaki terbabit dikenali sebagai Sofian Abu Bakar (**gambar**), 49, beralamat terakhir di Taman Sri Laguna, Johor Bahru, Johor.

Orang ramai yang mengenali atau ada maklumat diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Sharon Aileen Anak Bid di talian 019-8913783 atau 084-311982.



BERITA HARIAN
16.04.2025
(RABU)

SPRM tahan bekas Timbalan Speaker Dewan Negara

Pemimpin politik didakwa terima suapan projek tambak laut RM44 juta

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Bekas Timbalan Speaker Dewan Negara yang juga pemimpin sebuah parti politik ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan meminta suapan berhubung kontrak kerja penambakan laut antara 2021 hingga 2023.

Majistret Sharda Sheinha Mohamed Suleiman membenarkan perintah reman terhadap

suspek berusia 61 tahun yang juga pengarah sebuah syarikat itu selama enam hari hingga 20 April ini.

Rasuah kereta mewah

Menurut sumber, suspek bergelar Datuk Seri itu didakwa menerima suapan, termasuk dalam bentuk harta iaitu empat kenderaan mewah ketika menjawat jawatan Timbalan Speaker Dewan Negara sebelum ini bagi projek tambakan pasir berjumlah RM44 juta.

Katanya, suspek ditahan jam 4.55 petang kelmarin di pejabat SPRM Melaka.

Terdahulu, suspek tiba di Kompleks Mahkamah Air Keroh jam 9 pagi menaiki kenderaan diiringi pegawai SPRM.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



Bekas Timbalan Speaker Dewan Negara diiringi pegawai SPRM selepas permohonan reman di Mahkamah Majistret, Ayer Keroh, semalam.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Seludup pendatang
3 pegawai
imigresen
ditahan

Kuantan: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga pegawai Jabatan Imigresen (Imigresen) kelmarin kerana disyaki menjadi sebahagian daripada sindiket membawa masuk warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), membabitkan rasuah melebihi RM10 juta.

Tiga individu, termasuk seorang wanita berusia 40-an itu ditahan secara berasingan di Kuala Lumpur, Nilai, Negeri Sembilan dan Johor Bahru, Johor.

Menurut sumber, sindiket dipercayai membawa masuk warga asing tanpa melalui pemeriksaan pihak berkuasa di pintu masuk negara bermula 2021 hingga 2024.

"Sindiket ini dipercayai meraih wang rasuah jutaan ringgit yang turut diagihkan kepada anggota imigresen yang lain.

"Mereka menjadi tali barut bagi melepaskan kumpulan warga asing yang tiba tanpa melalui prosedur ditetapkan menerusi modus operandi *counter setting* di Terminal 1 dan 2 KLIA," menurut sumber itu.



SINAR HARIAN
17.04.2025
(KHAMIS)

Palsu daftar kelahiran: JPN, SPRM berkas 25 individu

PUTRAJAYA - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 25 individu menerusi Op Tumpang Fasa 2 pada Selasa.

Jurucakap JPN berkata, seramai 10 individu membabitkan empat lelaki dan enam wanita berusia 30 hingga 44 tahun ditangkap pihaknya, manakala 15 lagi tangkapan dilaksanakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Seramai 10 yang ditahan JPN disyaki berperanan sebagai pemaklum kelahiran dengan mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter JPN semasa pendaftaran itu dilakukan di Melaka serta sekitar Lembah Klang iaitu Subang Jaya, Kiang, Cheras, Puchong, Kepong dan Putrajaya," katanya.

Jelas JPN, Op Tumpang Fasa 2 ini rentetan daripada Fasa 1 yang dilaksanakan pada Mac lepas.

Sebelum ini, Op Tumpang Fasa 1 di Putrajaya, Selangor, Perak dan Pulau Pinang berjaya merampas wang tunai RM54,000 dipercayai hasil daripada aktiviti haram berkenaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, modus operandi sindiket melibatkan individu yang bertindak sebagai pemaklum

kelahiran dengan mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter JPN semasa pendaftaran.

Setelah sijil kelahiran sah diperoleh, ia dipercayai dijual di pasaran gelap kepada ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak tidak memiliki pengenalan diri serta kewarganegaraan Malaysia.

Sindiket ini juga dipercayai mempunyai rangkaian dalam dan luar negara serta berkemungkinan terlibat dalam penyeludupan kanak-kanak dari luar negara yang tidak mempunyai dokumen diri dan dijual kepada ibu bapa berkenaan.

Berikutan itu, SPRM mendedahkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth pada 11 Mac membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.



HARIAN METRO
17.04.2025
(KHAMIS)

Putrajaya: Seramai 25 individu ditahan menerusi Op Tumpang 2.0 oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan sindiket pemalsuan sijil kelahiran bayi.

Jurucakap JPN berkata, seramai 10 individu membabitkan empat lelaki dan enam wanita berusia lingkungan 30 hingga 44 tahun ditahan pihaknya manakala 15 lagi tangkapan dilaksanakan SPRM.

Katanya, operasi yang memasuki fasa kedua itu dilakukan rentetan Op Tumpang 1 yang dilaksanakan pada Mac lalu.

"Sepuluh yang ditahan JPN disyaki berperanan sebagai pemaklum kelahiran dengan mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter JPN semasa pendaftaran itu dilakukan di Melaka serta sekitar Lembah Klang iaitu Subang Jaya, Klang, Cheras, Puchong, Kepong dan Putrajaya.

"JPN mengambil tindakan di bawah Seksyen

25 ditahan palsu sijil kelahiran bayi

36(1)(b) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299), manakala individu yang ditangkap SPRM akan disiasat daripada segi elemen rasuah," katanya.

Jurucakap JPN berkata, sembilan tangkapan dituduh di Mahkamah Putrajaya, di sini, semalam, manakala seorang lagi dibebaskan dengan jaminan atas faktor kesihatan dan akan dituduh kelak.

Difahamkan, tangkapan oleh SPRM direman lima hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 8 Akta SPRM 2009.

Terdahulu Harian Metro melaporkan 80 sijil kelahiran palsu dikesan dijual sindiket di pasaran gelap.

Sindiket dilapor menggunakan khidmat pemaklum kelahiran bagi mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter JPN semasa pendaftaran.

Selepas menerima sijil kelahiran sah, ia akan dijual di pasaran gelap kepada ibu bapa atau penjaga selain sindiket dipercayai mempunyai rangkaian di dalam dan luar negara termasuk kegiatan penyeludupan kanak-kanak.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan berkata, operasi itu adalah hasil risikan bersama JPN dan SPRM selama setahun serta perancangan rapi bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat diambil secara menyeluruh.

Katanya, siasatan mendapati sindiket terbabit dalam pemalsuan dokumen kelahiran dengan menghasilkan dokumen palsu yang direka dan ditiru bagi menyerupai pengesahan rasmi daripada fasiliti kesihatan swasta yang berdaftar dan beroperasi secara sah.





BERITA HARIAN 17.04.2025 (KHAMIS)



14 individu dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

Kes kemuka maklumat palsu daftar kelahiran

3 wanita antara 14 kena reman

Semua suspek
ditahan
di Pejabat
SPRM Selangor

Oleh Norzainira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Seramai 14 individu termasuk tiga wanita direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes mengemukakan maklumat palsu dalam borang daftar kelahiran.

Majistret Ameera Mastura Khamis mengeluarkan perintah reman hingga 20 April terhadap semua suspek berusia antara 28 hingga 49 tahun itu selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Permohonan dibuat Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muaz Ahmad Khairuddin dan Pegawai Pendakwa SPRM, Muhammad Arif Asyraf Mohd Khairi.

Menurut sumber, semua suspek disiasat kerana disyaki membuat permohonan kad pengenalan dan sijil kelahiran anak kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang mengandungi butiran palsu.

"(Permohonan) ini dibuat menerusi Borang Daftar Kelahiran yang mengandungi butiran matan palsu berkenaan pengesahan kelahiran bayi-bayi sedangkan tiada rekod kelahiran bayi terbabit di hospital-hospital terbabit. Perbuatan ini dilakukan mereka antara 2015 hingga 2023," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, semua suspek ditahan di Pejabat SPRM Selangor antara jam 12.30 tengah hari hingga 6.30 petang kelmarin.

Terdahulu, semua individu berkenaan tiba di pekarangan Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dengan kenderaan SPRM pada jam 9.11 pagi.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzam Mohamad Amin @ Hamim

mengesahkan perkara itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Risikn hampir setahun

Media pada 12 Mac lalu melaporkan, SPRM menahan 16 individu kerana disyaki terbabit rasuah pendaftaran lewat kelahiran berta'raf bukan warga negara kepada warga negara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, dilaporkan berkata semua suspek berusia antara 20-an hingga 70-an ditahan dalam beberapa serbuan menerusi Op-Outlander dan Op Birth ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Beliau berkata, serbuan itu dibuat hasil risikan selama kira-kira setahun dengan kerjasama dan perkongsian maklumat di antara SPRM dan JPN.



BERITA HARIAN

17.04.2025

(KHAMIS)

Pesara imigresen direman 7 hari

Kuantan: Seorang pesara Jabatan Imigresen direman tujuh hari untuk siasatan kerana disyaki membawa masuk warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), membabitkan rasuah melebihi RM10 juta.

Suspek berusia 50 tahun yang bersara pada Januari tahun lalu ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang, kelmarin.

Suspek yang pernah bertugas di KLIA dibawa ke Mahkamah Majistret Kuantan, di sini kira-kira jam 9 pagi semalam untuk perintah reman.

Perintah reman bermula semalam hingga 22 April ini terhadap suspek dikeluarkan Majistret Nor Izzati Zakaria selepas permohonan dibuat SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang, Mohd Shukor Mahmud mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut

Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Isnin lalu, tiga pegawai Imigresen ditahan secara berasingan di Kuala Lumpur, Nilai, Negeri Sembilan dan Johor Bahru, Johor kerana disyaki menjadi sebahagian daripada sindiket membawa masuk warga asing di KLIA.

Ketiga-tiga pegawai itu direman tujuh hari bermula kelmarin sehingga 21 April ini bagi membantu siasatan lanjut kes rasuah.



SINAR HARIAN
19.04.2025
(SABTU)

Beli bayi, sijil kelahiran: Transaksi RM400,000 dikesan



14 individu direman lima hari sejak Rabu lalu untuk bantu siasatan kes permohonan sijil kelahiran palsu.

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan sejumlah RM5,000 hingga RM50,000 ditawarkan oleh sindiket kepada individu terlibat bagi menguruskan proses pembelian bayi dan penyediaan sijil kelahiran bayi.

Menurut sumber, dipercayai transaksi berjumlah RM400,000 dilakukan membabitkan sindiket tersebut yang dikesan beroperasi sejak tahun 2021.

"SPRM masih dalam siasatan untuk mengenal pasti dalang-dalang sindiket terlibat," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzam Mohmad Amin @ Hamim ketika dihubungi berkata, pihaknya kini dalam proses untuk mengesan lebih ramai individu atau ejen terbabit membekalkan bayi-bayi serta yang terlibat dalam penyediaan dokumen palsu.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa siri tangkapan susulan akan dibuat.

SPRM pada Rabu telah menahan reman 14 individu disyaki terlibat mengemukakan borang daftar kelahiran yang mengandungi butiran matan palsu.

Kesemua mereka direman lima hari sehingga 20 April.



SINAR HARIAN
20.04.2025
(AHAD)

Sebagai
pemaklum sijil
lahir, manipulasi
dokumen palsu

Oleh MUHAMMAD
AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengenal pasti saki-baki individu yang berperanan sebagai pemaklum sijil lahir dan memanipulasi dokumen palsu.

Ketua Pengarah JPN, Badrul Hisham Alias berkata, tangkapan akan dibuat dari semasa ke semasa.

Beliau turut meminta mana-mana pihak yang pernah terlibat dalam aktiviti mendapatkan sijil kelahiran tidak teratur sebelum ini sama ada pemaklum atau orang tengah agar tampil ke JPN dengan segera bagi membantu siasatan.

"JPN menyeru orang ramai untuk lebih berhati-hati dengan tipu daya sindiket dan tidak menyalahgunakan data peribadi

bagi mendapatkan imbuhan daripada pihak sindiket.

"Orang ramai dinasihatkan untuk mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh JPN khususnya dalam permohonan pengangkatan (anak angkat)," tegasnya pada Sabtu.

Beliau memberitahu, senarai tangkapan Ops tumpang Fasa 1 dan 2 adalah sebahagian daripada 87 senarai yang telah dikenal pasti oleh JPN dan SPRM sebelum ini.

Berikutan itu, jelasnya, JPN percaya akan ada tangkapan susulan selepas ini termasuk individu yang akan hadir untuk menyerahkan diri.

Menerusi Op Tumpang 2.0 yang dilakukan di seluruh negara pada Selasa lalu, JPN menahan 10 individu termasuk enam wanita.

Sinar Harian sebelum ini

JPN, SPRM kenal pasti saki baki individu

“

JPN akan terus komited dalam memastikan integriti serta ketulenan dokumen pengenalan diri negara kekal terpelihara tanpa sebarang kompromi."

- Badrul Hisham Alias



'Ibu tumpang' raih habuan RM3,000



Laporan Sinar Harian pada 18 April lalu mengenai kes sijil lahir dan memanipulasi dokumen palsu.

melaporkan terdapat individu yang sanggup menjadi 'ibu tumpang' dengan mendaftarkan nama sebagai ibu kandung kepada bayi yang baru dilahirkan selepas dibayar imbuhan antara RM200 sehingga RM3,000 bagi setiap per-

mohonan sijil kelahiran oleh sindiket.

Selain itu, ada antara wanita terbabit dipercayai turut menerima bayaran tetap daripada sindiket pemalsuan sijil kelahiran bayi dan melakukan perbuatan itu secara berulang.



SINAR HARIAN
23.04.2025
(RABU)

Ismail Sabri akan dipanggil semula Khamis ini - SPRM

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan dipanggil semula oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Khamis ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, beliau dipanggil semula untuk meneruskan rakaman percakapan.

"Sebelum ini beliau telah beberapa kali dipanggil untuk dirakam percakapan dan

Khamis ini beliau akan meneruskan rakaman percakapan.

"Ia berhubung dengan pengisytiharan harta yang telah dibuat oleh beliau kepada SPRM di bawah Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah Ke-11 di World Trade Centre di sini pada Selasa.

Pada 8 April lalu, Azam berkata, terdapat perkara penting akan diambil dalam rakaman percakapan selepas ini.

"Pegawai penyiasat akan memanggilnya semula untuk menjelaskan beberapa perkara termasuklah berkaitan dokumen dan saksi sokongan dalam pengisytiharan harta yang dikemukakan beliau sebelum ini," katanya pada Selasa.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan

Ismail Sabri kali terakhir dirakam keterangan pada 24 Mac lalu di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Perdana menteri kesembilan disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.



SINAR HARIAN
23.04.2025
(RABU)

SPRM teruskan siasat isu tanah haram di Raub

Siasatan sudah bermula 2021, fokus elemen rasuah dan tata kelola PTG, pejabat daerah

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan bahawa siasatan berkaitan pencerobohan tanah secara haram di Raub, Pahang telah dimulakan sejak tahun 2021.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tumpuan siasatan melibatkan dua aspek utama, iaitu unsur rasuah serta isu tadbir urus dalam kalangan agensi kerajaan negeri, khususnya di pejabat tanah.

"Saya ditanya sama ada SPRM pernah membuka kertas siasatan berkaitan isu di Raub, dan jawapannya, ya. Kita telah memulakan siasatan

pada tahun 2021.

"Justeru, siasatan terhadap pencerobohan terbaharu ini merupakan kesinambungan daripada siasatan terdahulu. Saya telah mengarahkan SPRM Pahang supaya meneruskan siasatan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah Ke-11 di Dewan Tun Dr Ismail, World Trade Centre di sini, pada Selasa.

Tambah beliau, siasatan secara menyeluruh akan dijalankan bagi mengenal pasti bagaimana kegiatan penerokaan tanah secara haram itu boleh berlarutan dalam tempoh yang begitu lama.

"Kita akan melihat dua perkara penting. Pertama, bagaimana kegiatan penerokaan haram ini boleh berlaku, dan kedua, isu berkaitan tadbir urus di peringkat pejabat tanah dan galian.



AZAM

Mahkamah & Jenayah

"Siasatan ini turut melibatkan semakan terhadap sebarang kelulusan serta kegagalan dalam aspek pemantauan," katanya.

Sebelum ini, tular insiden kekecohan semasa operasi penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan di Sungai Klau, Raub, pada 8 April lalu yang melibatkan tanaman durian, kelapa sawit dan hasil bumi lain.

Susulan itu, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin

Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ketegasan bahawa aktiviti pencerobohan tersebut merupakan satu bentuk 'rompakan terbuka' terhadap harta kerajaan dan perlu dihentikan serta-merta.

Baginda turut menegaskan bahawa tiada sebarang kelulusan baharu akan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terhadap mana-mana permohonan melibatkan tanah yang telah diceroboh secara haram.



SINAR HARIAN
23.04.2025
(RABU)

Cukai RM313.8 juta: Isteri Daim dibenar semakan kehakiman.

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa, membenarkan permohonan isteri bekas Menteri Kewangan, Allahyarham Tun Dr Daim Zainuddin, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid, untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi membatalkan tuntutan cukai RM313.8 juta oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Peguam, S Saravana Kumar yang mewakili Na'imah, 68, berkata, mahkamah berpendapat, permohonan kebenaran semakan kehakiman anak guam mempunyai merit.

Ketika ditemui di luar mahkamah, beliau berkata, Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Dr Shahnaz Sulaiman memutuskan demikian, selepas menolak bantahan pihak Jabatan Peguam Negara (AGC).

Menurutnya, mahkamah menyatakan bahawa permohonan Na'imah bukanlah remeh atau menyusahkan dengan kata lain *frivolous or vexatious* serta terdapat persoalan undang-undang yang perlu didengar di peringkat substantif.

"Atas dasar itu, mahkamah telah membenarkan permohonan kami untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman, namun tarikh prosiding seterusnya belum ditetapkan.

"Kami mempunyai masa selama dua minggu untuk menyampaikan notis kepada LHDN," katanya yang hadir bersama peguam, Dharshini Sharma.

Na'imah tidak hadir untuk prosiding ini dan hanya diwakili peguam.

Dalam prosiding berkenaan, Peguam Persekutuan, Sheryn Yong hadir bagi pihak



SINAR HARIAN
23.04.2025
(RABU)



Dua wanita yang direman selama lima hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam pada Selasa berhubung Op Child.

Op Child: Pembantu klinik, ejen direman

SHAH ALAM - Kegiatan sindiket pemalsuan dokumen pengesahan kelahiran bayi terus terbongkar dengan penahanan dua lagi wanita yang direman selama lima hari di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Dua suspek yang memakai baju lokap berwarna oren itu ialah seorang pembantu klinik swasta berusia 43 tahun sementara seorang lagi merupakan ejen, berusia 49 tahun.

Majistret, Mohamed Redza Azhar Rezali mengeluarkan perintah reman itu selepas membenarkan permohonan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan di pejabat SPRM Selangor antara jam 1.10 hingga 1.15 tengah hari pada Isnin.

"Siasatan awal mendapati ejen terbabit dipercayai menguruskan dan menyediakan dokumen pengesahan kelahiran dari hospital sekitar Selangor.

"Pembantu klinik pula didakwa menyamar sebagai penjawat awam bagi melancarkan proses permohonan pendaftaran kelahiran," katanya.

Beliau berkata, difahamkan, suspek menerima rasuah kira-kira RM10,000 daripada seorang pemohon.

Katanya, mereka dipercayai berpakat dalam urusan pemalsuan borang daftar kelahiran bayi segera.

Menurutnya, siasatan masih diteruskan bagi mengesan individu lain yang terlibat dalam kegiatan jenayah ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzam Mohmad Amin@Hamim ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek tersebut.



BERITA HARIAN

23.04.2025

(RABU)

SPRM panggil semula Ismail Sabri esok kes pengisytiharan harta

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan dipanggil semula ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), esok.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Ismail Sabri dipanggil bagi meneruskan siasatan berhubung pe-

ngisytiharan harta.

"Seperti saya sebutkan dulu, SPRM akan panggil beliau (Ismail Sabri) berhubung pengisytiharan harta.

"Fokus siasatan berkenaan pengisytiharan harta yang disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009," katanya, di sini semalam.

Ahli Parlimen Bera itu disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta

SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Sebelum ini, Azam dilaporkan berkata, beberapa fail baharu dibuka berhubung siasatan terhadap Ismail Sabri susulan maklumat dan hasil risikan terba-

haru pihaknya.

Pada 3 Mac lalu, Azam berkata, Ismail Sabri ialah suspek bagi siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang dan 16 kilogram jongkong emas dalam 'safe house' hasil serbuan badan antirasuah itu.



BERITA HARIAN
23.04.2025
(RABU)

Isu pencerobohan tanah di Pahang

Siasatan tumpu unsur rasuah, tatakelola

2 elemen diberi perhatian dalam siasatan terhadap amalan PTG, pejabat daerah

Oleh Safeek Alfendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneruskan siasatan pencerobohan tanah di Raub, Pahang sejak empat tahun lalu dengan tumpuan utama kepada unsur rasuah dan tatakelola.

Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata dua elemen itu diberikan perhatian dalam siasatan terhadap amalan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta

pejabat daerah.

"Dulu kita pernah buka kertas siasatan pada 2021 dan berhubung isu baharu ini, saya sudah mengarahkan SPRM Pahang untuk meneruskan siasatan."

"Kita melihat kepada dua perkara itu (elemen rasuah dan tatakelola). Bagaimanapun, pencerobohan haram boleh dilakukan dalam tempoh tertentu."

"Jadi, siasatan ini akan dijalankan secara menyeluruh oleh SPRM Pahang," katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Ke-11 Tahun 2025 di sini, semalam.

Kelmarin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memerangi rasuah, Malaysia Corruption Watch (MCW) mendakwa unsur kelalaian sistematik, pengabaian tanggungjawab atau perlindungan terancang oleh individu tertentu dalam kalangan pihak ber-



Azam menyampaikan Pentauliah Pegawai Integriti Kehormat kepada Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak, Datuk Murshid Diraja Dr Juanda Jaya pada Majlis Konvokesyen CeIO Ke-11 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Ralhana Manjer/BH)

kuasa antara faktor kepada pencerobohan hutan simpan secara besar-besaran di Pahang.

SPRM membuka siasatan

Presidennya, Jais Abdul Karim, dilaporkan berkata, MCW menggesa SPRM membuka semula atau memperluas kertas siasatan terhadap pelbagai pihak termasuk pegawai kerajaan negeri, wakil rakyat, agensi teknikal dan pihak berkuasa, tempatan yang disyaki bersekongkol, melindungi atau membenarkan pencerobohan haram berlaku dalam tempoh panjang.

Terdahulu Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah,

pencerobohan tanah menjadi musuh utama di negeri itu kerana sebanyak 14,494.908 hektar tanah kerajaan diceroboh dan diusahakan secara haram dengan tanaman sawit, getah, durian dan pelbagai hasil bumi.

Menurut baginda, 5,997.09 hektar hutan simpan kekal juga diceroboh, kononnya atas nama pertanian yang disifatkan sebagai 'rompakan terbuka' terhadap harta negeri.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, kelmarin mencadangkan satu jawatankuasa khas tanah haram dibentuk untuk menyelesaikan masalah pencerobohan

tanah di Pahang.

ADUN DAP itu berkata, jawatankuasa berkenaan akan mencadangkan kaedah penyelesaian yang adil bagi kes pencerobohan yang berlaku terlalu lama memabitkan rakyat tempatan atau luar Pahang.

Katanya, ahli jawatankuasa itu boleh dilantik daripada bekas pegawai PTG, pakar tanah di institusi pengajian tinggi atau institut tanah negara, ulama, Polis Diraja Malaysia atau peguam.

Bagaimanapun, sesetengah pihak membantah cadangan berkenaan kerana dikatakan itu cubaan untuk mengelakkan tindakan undang-undang ke atas penceroboh.



BERITA HARIAN

23.04.2025

(RABU)

Ops Sky

Kertas siasatan dikemuka kepada TPR minggu depan

Kuala Lumpur: Kertas siasatan berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai di beberapa institusi kewangan yang disiasat dalam Ops Sky, sudah dikemas kini dan akan diserahkan kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR), minggu depan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, ber-

kata ketika ini pegawainya sudah selesai melengkapkan siasatan.

"Pada masa ini siasatan sudah dilengkapkan dan sedang dikemas kini. Kita (SPRM) menjangka mengemukakan kepada pejabat TPR untuk tindakan selanjutnya.

"Saya berharap kes ini dapat disegerakan sekiranya tiada sebarang inkuiri oleh TPR dalam kertas siasatan ini," katanya.

Azam berkata, kes ini menjadi

perhatian ramai dan satu keputusan segera harus diambil pihak berkaitan.

"Rakyat ingin mengetahui apakah keputusan daripada kes ini," katanya.

Dalam operasi Januari lalu, SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) menahan 12 individu dalam serbuan di 24 tempat, termasuk kediaman

dan pejabat di sekitar Lembah Klang dan merampas kira-kira 4,000 dokumen serta membekukan 98 akaun bank membabitkan lebih RM17 juta.

Ditanya mengenai dakwaan rasuah membabitkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sabah, Azam berkata, SPRM masih menunggu laporan forensik 10 rakaman video berkaitan.

Beliau berkata, siasatan terha-

dap kes itu masih berjalan dan belum dimuktamadkan.

"Saya jangkakan laporan itu akan siap dalam masa terdekat kerana pihak forensik sedang menjalankan penelitian secara terperinci terhadap kesemua 10 rakaman audio itu.

"Lapan individu sudah dipanggil untuk memberi keterangan, termasuk satu kes baharu membabitkan tohmahan yang turut disiasat," katanya.



BERITA HARIAN
25.04.2025
(JUMAAT)

6 termasuk 2 pegawai polis disyaki terbabit tuntutan palsu RM15 juta

Tuntutan berkait
perolehan kontrak
penyelenggaraan
sistem C4i

Oleh Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Enam individu termasuk dua pegawai polis, seorang pengarah syarikat dan ketua pegawai kewangan (CFO) direman kerana disyaki terbabit tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta.

Tuntutan itu berkaitan perolehan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan sistem *comhand & control, communication & computer integration* (C4i).

Perintah reman tujuh hari hingga 30 April dikeluarkan Majistret Muhammad Fadzlan Mohd Noor selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Sumber berkata, suspek terdiri lima lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30 dan 50-an ditahan sekitar jam 8 malam kelmarin, ketika hadir selepas dipanggil memberi keterangan di

Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Katanya, siasatan awal mendapati semua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2022 hingga 2025 dengan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta.

Walaupun tuntutan dibuat, sebahagian kerja komponen di khidmat sokongan tidak dilaksanakan seperti ditetapkan dalam kontrak.

"Projek C4i keseluruhannya dianggarkan bernilai kira-kira RM70 juta diberikan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan diuruskan Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Sumber SPRM berkata, penggeledahan dilakukan oleh SPRM terhadap 15 lokasi, termasuk KDN dan beberapa syarikat sekitar Johor, Selangor, Putrajaya serta Kuala Lumpur.

Sita empat kenderaan mewah

"Susulan itu, SPRM menyita empat kenderaan mewah bernilai kira-kira RM1.3 juta, selain membekukan 51 akaun bank membabitkan 30 akaun individu dan 21 akaun perniagaan milik 10 syarikat keseluruhannya bernilai kira-kira RM3.5 juta.

"Menerusi operasi dijalankan dengan kerjasama PDRM, selain wang tunai RM9,000, SPRM turut



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto Ihsan SPRM)

menyita pelbagai jenis mata wang asing lain terdiri USD\$388; Riyal 2,340; QAR 1,789; Dirham 15,055 dan KZT 21,219 dan sembilan telefon bimbit," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian

Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi media mengesahkan penahanan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Bellau berkata, kes terbabit juga disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Haram 2001 (AMLA).



SINAR HARIAN
25.04.2025
(JUMAAT)

Op C4i: SPRM tahan 6 individu buat tuntutan palsu RM15 juta

PUTRAJAYA - Enam individu termasuk seorang pengarah syarikat, ketua pegawai kewangan (CFO) dan dua pegawai polis direman kerana disyaki terlibat tuntutan palsu bernilai RM15 juta.

Menurut sumber, tuntutan palsu itu dibuat bagi urusan perolehan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i).

Sumber berkata, suspek terdiri daripada lima lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30 dan 50-an ditahan sekitar jam 8 malam pada Rabu ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati, semua suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara 2022 hingga 2025 dengan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta.

"Bagaimanapun, sebahagian kerja komponen di bahagian khidmat sokongan tidak dilaksanakan seperti kehendak kontrak.

"Nilai projek C4i keseluruhannya dianggarkan bernilai RM70 juta yang diberikan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan diuruskan Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya pada Khamis.

Menurut sumber, penggeledahan dilakukan di 15 lokasi termasuk KDN dan beberapa syarikat di sekitar Johor, Selangor, Putrajaya serta ibu negara.

Susulan itu katanya, SPRM menyita empat unit kenderaan mewah bernilai RM1.3 juta.



Enam individu direman selepas dipercayai membuat tuntutan palsu berjumlah RM15 juta.



BERITA HARIAN
26.04.2025
(SABTU)

Direman terima suapan RM40,000 projek Rumah Mesra SMJ

Sandakan: Seorang Pegawai Kemajuan Masyarakat direman tujuh hari hingga 1 Mei ini bagi membantu siasatan kes menerima rasuah RM40,000 membabitkan projek Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ).

Perintah reman dikeluarkan Hakim Zaini Fishir terhadap suspek lelaki berusia 50-an itu selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Menurut sumber, lelaki berkenaan ditahan kira-kira jam 2 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Cawangan Sandakan.

“Suspek disyaki menerima rasuah dari 2022 hingga 2025 sebagai dorongan memberikan projek pembinaan rumah berkenaan kepada beberapa individu dan kontraktor,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi pemberita mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Program Rumah Mesra SMJ adalah inisiatif kerajaan Sabah bertujuan membantu rakyat berpendapatan rendah, terutama B40 dengan menyediakan rumah secara percuma yang dianggarkan bernilai RM80,000 setiap unit.

BERNAMA



BERITA HARIAN
26.04.2025
(SABTU)

Ismail Sabri sambung beri keterangan di SPRM

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam menyambung keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram dikaitkan dengan beliau.

Kenderaan membawa Perdana Menteri kesembilan itu tiba pada jam 2.52 petang dan kehadiran beliau ke ibu pejabat SPRM semalam adalah kali kesembilan bagi tujuan memberi keterangan.

Kelmarin, beliau dilihat meninggalkan ibu pejabat SPRM pada jam 6.11 petang selepas selesai proses merakam keterangan yang berlangsung selama tujuh jam.

Ahli Parlimen Bera itu memberi keterangan berkaitan siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program

Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Ismail Sabri akan dipanggil semula bagi meneruskan siasatan berhubung pengisytiharan harta berhubung pengisytiharan harta.

Katanya, fokus siasatan adalah berkenaan pengisytiharan harta yang disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009.

Azam juga dilaporkan berkata, beberapa fail baharu dibuka berhubung siasatan terhadap Ismail Sabri susulan maklumat dan hasil risikan terbaharu pihaknya.

BERNAMA



Ismail Sabri meninggalkan ibu pejabat SPRM pada jam 6.11 petang selepas selesai proses merakam keterangan selama tujuh jam, kelmarin.
(Foto BERNAMA)



HARIAN METRO
26.04.2025
(SABTU)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan dua pegawainya berpangkat superintendan dan inspektor antara ditahan kerana disyaki melakukan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta bagi Perolehan Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain (*gambar*) berkata, siasatan awal di peringkat PDRM sendiri apabila semakan berkaitan kontrak C4i itu mendapati wujud pembayaran tidak sepatutnya diluluskan.

Menurutnya, siasatan mendedahkan terdapat pembayaran tidak sepatutnya kepada syarikat terbabit dan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan.

"Jadi kita menghantar surat kepada SPRM untuk menjalankan siasatan hasil penemuan PDRM itu.

"Apa-apa kesalahan membabitkan rasuah yang

kita (PDRM) temui dalam siasatan, kita bekerjasama SPRM termasuk dalam kes ini," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Harian Metro kelmarin melaporkan pengarah syarikat, ketua pegawai kewangan (CFO) dan dua pegawai polis antara enam individu ditahan kerana disyaki terlibat tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta bagi Perolehan Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i).

Perintah reman selama tujuh hari sehingga 30 April dikeluarkan Majistret Muhammad Fadzlan Mohd Noor selepas permohonan dibuat

SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Menurut sumber, suspek terdiri daripada lima lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30 dan 50-an ditahan sekitar jam 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati semua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu

antara tahun 2022 hingga 2025 dengan ber-subahat mengemukakan tuntutan palsu bernilai

RM15 juta di mana sebahagian daripada kerja komponen di khidmat sokongan tidak dilaksanakan seperti kehendak kontrak.

"Nilai projek C4i keseluruhan dianggarkan bernilai RM70 juta diberikan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan diuruskan Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Menurut sumber, penggeledahan dilakukan di 15 lokasi termasuk di KDN dan beberapa buah syarikat di sekitar Johor, Selangor, Putrajaya serta Kuala Lumpur.

Susulan itu, SPRM menyita empat unit kenderaan mewah bernilai kira-kira RM1.3 juta selain membekukan 51 akaun bank melibatkan 30 akaun individu dan 21 akaun perniagaan milik 10 syarikat yang keseluruhannya bernilai kira-kira RM3.5 juta.

TUNTUTAN PALSU RM15J PROJEK C4I PDRM

KPN SAHKAN 2 PEGAWAI DISIASAT



BEKAS Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selesai memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram di Putrajaya, kelmarin. Beliau yang juga Ahli Parlimen Bera dilihat meninggalkan bekaranan ibu pejabat SPRM jam 6.11 petang selepas kira-kira tujuh jam memberi



HARIAN METRO
27.04.2025
(AHAD)

KES SELEWENG PROJEK C4i POLIS

LAGI PEGAWAI KANAN POLIS DITANGKAP

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang lagi pegawai kanan polis berpangkat superintendan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung perolehan Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i) bernilai kira-kira RM15 juta.

Sebelum ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan dua pegawainya berpangkat superintendan dan inspektor turut ditahan untuk siasatan kes sama.

Menurut sumber, penahanan itu dilakukan bagi membantu siasatan kerana dipercayai menerima bayaran wang rasuah daripada kontraktor dan sub-kontraktor bagi kontrak berkenaan.

Tindakan penggeledahan sudah dibuat di pejabat dan rumah Orang Kena Tahan (OKT) di Semenyih, Selangor untuk mengesan apa-apa dokumen yang

membabitkan penerimaan wang rasuah daripada pihak kontraktor.

Jumlah pembekuan akaun setakat ini adalah RM7.6 juta dan sebanyak lima belas rakaman percakapan saksi dan OKT sudah diambil," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, permohonan reman bagi OKT di Mahkamah Majistret Putrajaya akan dilakukan pihaknya.



HARIAN METRO
27.04.2025
(AHAD)

Kuala Lumpur: Kejayaan membanggakan apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) berjaya merampas, membeku dan melucut hak aset serta mengenakan kompaun bernilai lebih RM285 juta tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia membuktikan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan pihaknya berkesan dan menunjukkan SPRM bukan sekadar menyiasat, malah memulihkan kembali hak rakyat yang dikhianati.

"Siasatan dan pemulihan aset yang dijalankan SPRM bukan perkara yang mudah dan ia memerlukan ketekunan, kebijaksanaan, kerjasama dan kolaborasi negara lain serta pembabitan

media untuk memberi liputan yang seimbang, berinformasi dan memberi keyakinan kepada rakyat.

"Bagi suku pertama tahun ini SPRM mencatatkan nilai sitaan aset terbesar sebanyak RM177 juta melibatkan wang tunai dan jongkong emas yang terkait dengan siasatan terhadap bekas perdana menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Media SPRM kali ke-5 di Hotel Park Royal di sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Azmi Kamaruza-

man; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysian Press Institute (MPI), Ainol Amriz Ismail, Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan (DGME) Media Prima,



PULIH KEMBALI HAK RAKYAT

SPRM rampas, beku harta bernilai RM285 juta

Farrah Naz Abd Karim dan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit.

Azam berkata, pihaknya akan terus memperkukuh

tumpuan terhadap kes-kes rasuah berskala besar, berprofil tinggi dan berkepentingan awam.

Katanya, siasatan SPRM sentiasa dijalankan dengan

prinsip bebas, telus dan profesional, berlandaskan undang-undang dan tanpa sebarang campur tangan politik.

"Siasatan kes-kes berprofil tinggi membuktikan bahawa SPRM bertindak tanpa takut atau pilih kasih, tidak kira individu yang terlibat adalah bekas pemimpin tertinggi negara, wakil rakyat negeri ataupun pengarah syarikat-syarikat besar.

"Ia bagi memastikan setiap sen hasil daripada amalan rasuah dan penyelewengan dapat dikembalikan semula kepada rakyat," katanya.

"Siasatan dan pemulihan aset yang dijalankan SPRM bukan perkara yang mudah dan ia memerlukan ketekunan, kebijaksanaan, kerjasama dan kolaborasi negara lain serta pembabitan media untuk memberi liputan yang seimbang, berinformasi dan memberi keyakinan kepada rakyat"

*Ketua Pesuruhjaya SPRM,
Tan Sri Azam Baki*



SINAR HARIAN

27.04.2025

(AHAD)

Rasuah C4i: Polis pangkat superintenden direman tujuh hari

SHAH ALAM - Seorang pegawai polis berpangkat superintenden direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung perolehan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i) bernilai kira-kira RM15 juta.

Menurut sumber, perintah reman terhadap pegawai lelaki berusia 54 tahun itu bermula pada Sabtu selepas beliau ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Jumaat.

"Pegawai kanan tersebut dipercayai

telah menerima bayaran rasuah daripada kontraktor dan subkontraktor yang terlibat dalam perolehan kontrak penyelenggaraan Sistem C4i.

"Tindakan penggeledahan turut dilakukan di pejabat serta kediamannya di Semenyih, Selangor bagi mengesan sebarang dokumen berkaitan penerimaan wang rasuah," katanya pada Sabtu.

Tambah sumber itu, siasatan lanjut turut membawa kepada pembekuan akaun berjumlah RM7.6 juta setakat ini, selain 15 rakaman percakapan telah diambil daripada saksi dan orang kena tahan (OKT).

Pada Khamis, *Sinar Harian* melaporkan bahawa seorang pengarah syarikat, ketua pegawai kewangan (CFO) dan dua pegawai polis antara enam individu yang ditahan kerana disyaki terbabit dalam tuntutan palsu berkaitan perolehan sistem berkenaan.

Kesemua mereka ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM pada Rabu.

Enam individu terbabit, termasuk seorang wanita, berusia dalam lingkungan 30 hingga 50-an, kemudian direman selama tujuh hari sehingga 30 April.

Siasatan awal mendapati kesemua

suspek dipercayai melakukan kesalahan tersebut antara tahun 2022 hingga 2025 dengan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM15 juta.

Sebahagian daripada kerja komponen bagi perkhidmatan sokongan dilaporkan tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

Kes kini disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA).



SINAR HARIAN
28.04.2025
(ISNIN)

SPRM sita aset bernilai RM285 juta tahun lepas

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) berjaya merampas, membeku dan melucut hak aset serta mengenakan kompaun yang kesemuanya bernilai lebih RM285 juta pada 2024 dalam usaha membanteras jenayah rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia membuktikan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pihaknya adalah berkesan dan agensi itu bukan sekadar menyiasat malah memulihkan kembali hak rakyat yang telah dikhianati.

Beliau berkata, siasatan dan pemuliharaan aset yang dijalankan SPRM bukan perkara yang mudah selain memerlukan ketekunan, kebijaksanaan, kerjasama dan kolaborasi negara lain serta penglibatan media untuk memberi liputan seimbang, berinformasi dan memberi keyakinan kepada rakyat.

“Bagi suku pertama tahun ini, SPRM mencatatkan nilai sitaan aset terbesar sebanyak RM177 juta melibatkan wang tunai dan jongkong emas yang terkait dengan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob,” katanya ketika berucap pada Malam Anugerah Media SPRM.

Menurut Azam, pihaknya akan terus memperkukuh tumpuan terhadap kes rasuah berskala besar, berprofil tinggi dan berkepentingan awam.

Beliau berkata, siasatan agensi itu sentiasa dijalankan dengan prinsip bebas, telus serta profesional berlandaskan undang-undang dan tanpa sebarang campur tangan politik.

“Siasatan kes-kes berprofil tinggi membuktikan bahawa SPRM bertindak tanpa takut atau pilih kasih, tidak kira individu yang terlibat adalah bekas pemimpin tertinggi negara, wakil rakyat negeri ataupun pengarah syarikat-syarikat besar,” ujarinya.

Azam berkata, ia bagi memastikan setiap sen hasil daripada amalan rasuah dan penyelewengan dapat dikembalikan semula kepada rakyat. - *Bernama*



BERITA HARIAN
30.04.2025
(RABU)

SPRM ada senarai individu kes ceroboh tanah di Raub

Pegawai kerajaan khidmat di PTG, pejabat daerah antara sedang dikesan dan tiada lagi tangkapan

Ucuh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai senarai individu yang disyaki terlibat dalam pencerobohan tanah di Raub, Pahang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata, setakat ini belum ada tangkapan dan pegawai penyiasat SPRM sedang giat mengesan individu terlibat, termasuk pegawai kerajaan yang berkhidmat di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta pejabat daerah.

"Kita ada dalam senarai (individu dikenal pasti terlibat). Kalau lebih kurang 10 tahun (kejadian berlaku) sudah tentu pegawai berkenaan ada yang sudah berpencen dan sebagainya."

"Jadi, ini menjadi satu cabaran juga kepada pegawai penyiasat saya untuk buat *tracing* (cari semula) dan semak latar belakang siapa yang bertugas ketika itu, akan ambil masa sedikit terutama kepada mereka yang meneroka dan bagaimana mereka melakukannya."

"Keadilan dalam proses siasatan ini penting," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Persidangan Antirasuah di Asia Tenggara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden

Kesatuan Antirasuah Asia Tenggara (Sea Actions), Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Persidangan yang juga Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Seri Mustafar Ali.

Sebelum ini, Azam memaklumkan mengarahkan SPRM Pahang meneruskan siasatan berhubung kes pencerobohan tanah di Raub.

Beliau berkata, selain memberi tumpuan kepada isu takelola, SPRM turut meneliti bagaimana individu yang menceroboh tanah di Raub 'boleh lolos' begitu sahaja.

Sebelum ini, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah pencerobohan tanah menjadi musuh utama di negeri itu kerana sebanyak 14,494.908 hektar tanah kerajaan diceroboh dan diusahakan secara haram dengan tanaman sawit, getah, durian dan pelbagai hasil bumi.

Baginda bertitah, 5,997.09 hektar hutan simpanan kekal juga diceroboh kononnya atas nama pertanian yang disifatkan sebagai 'rompakan terbuka' terhadap harta negeri.

Selain memastikan tiada campur tangan politik, keyakinan rakyat adalah elemen penting dalam usaha memerangi rasuah secara menyeluruh di

negara ini.

Dapat kepercayaan rakyat

Sementara itu, Azam berkata, tanpa kepercayaan rakyat, sukar untuk agensi seperti SPRM



Azam berucap pada Majlis Pelancaran Persidangan Antirasuah di Asia Tenggara di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

menjalankan peranan dengan baik.

"Dalam kita menguatkuasakan undang-undang memerangi rasuah dalam negara dan pastikan tidak berlaku campur tangan politik, aspek (lain) yang penting ialah mendapatkan keyakinan rakyat."

"Kalau rakyat tak yakin, maka mereka tidak akan faham mengenai usaha kita dan tentunya (usaha) perangi rasuah takkan berjalan dengan baik."

"Contoh di Asia Tenggara, lebih besar populasi, lebih sukar (nak dapatkan keyakinan rakyat), bayangkan Malaysia dengan populasi 34 juta, bagaimana dengan negara lain seperti Indonesia yang penduduknya 240 juta, tentunya ini satu cabaran untuk memberi kefahaman kepada rakyat mengenai niat memakmurkan negara masing-masing," katanya.

Siasatan kes babit Ismail Sabri baru 20 peratus

Putrajaya: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dianggarkan baru meliputi 15 hingga 20 peratus.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata proses mengambil keterangan daripada Ismail Sabri, dijangka disambung oleh pegawai penyiasat suruhanjaya itu kira-kira dua minggu lagi.

"Pertama, untuk mengisytiharkan harta itu satu hal. Yang kedua dan penting bagi kami me-

mastikan apakah yang diisytiharkan itu benar atau tidak?

"Menjadi satu kesalahan sekiranya pengisytiharan itu sesuatu yang tidak benar atau tidak mencukupi," katanya.

Sebelum ini, Ismail Sabri sudah tujuh kali dipanggil SPRM, dengan kali terakhir pada Khamis lalu berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.



BERITA HARIAN

30.04.2025

(RABU)

Kes rasuah dikaitkan ADUN Sabah

Analisis klip video diperoleh minggu depan

Putrajaya: Analisis Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap klip video dikatakan skandal rasuah membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah berkaitan lesen lombong mineral, dijangka diperoleh dalam tempoh seminggu lagi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata ketika ini, penelitian rapi sedang dilakukan terhadap semua video terbabit.

"Saya jangka dalam seminggu lagi akan keluar. Semua pihak bertanya mengapa lambat dan sebagainya. Saya sendiri tidak mahu berlaku kelewatan.

"Ini memerlukan sedikit masa kerana bukan hanya ada satu, tetapi 10 video," katanya semalam.

Sebelum ini, Azam berkata, lapan ADUN dipanggil semula dan video terbabit dimainkan di depan mereka untuk mendapatkan penjelasan mengenai apa yang berlaku.

Video terbabit yang dikaitkan dengan beberapa ADUN Sabah didakwa membincangkan 'rasuah' bernilai ratusan ribu ringgit yang diberikan kepada mereka sebagai balasan untuk mendapatkan projek di negeri itu.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan Azam berkata, SPRM akan terus bekerjasama dengan institusi kewangan, agensi kawal selia seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguat kuasa bagi mem-

bina ekosistem pencegahan rasuah dan pengubahan wang haram yang kukuh serta menyeluruh.

Beliau berkata, seiring dengan peredaran masa dan ledakan teknologi digital, landskap jenayah rasuah serta kewangan berevolusi dengan penggunaan aset digital, pelaburan palsu, transaksi rentas sempadan dan struktur korporat yang kompleks.

"Penjenayah kewangan yang licik dan manipulatif meman-

faatkan kelemahan dalam sistem penguatkuasaan dan kelompongan perundangan untuk mewujudkan rangkaian jenayah terancang serta sistematik, sekali gus mengancam kestabilan negara," katanya.

Azam berkata demikian ketika berucap di Program Menembak Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM Bersama Compliance Officers Networking Group (CONG) Tahun 2025 di sini, kelmarin.



HARIAN METRO
30.04.2025
(RABU)

KES RASUAH ISMAIL SABRI

Siasatan capai tahap sehingga 20 peratus

Putrajaya: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes rasuah melibatkan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kini mencapai tahap antara 15 hingga 20 peratus, kata Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki.

Azam berkata, siasatan masih berjalan dan Ismail Sabri dijangka dipanggil memberi keterangan, dua minggu lagi.

"Kita akan memanggil beliau dalam tempoh dua minggu kerana ada beberapa dokumen yang kita minta beliau sediakan. Kes ini masih berjalan dan seperti saya nyatakan, ia berkaitan dengan pengisytiharan harta.

"Apabila membabitkan siasatan pengisytiharan harta, prosesnya memang mengambil sedikit masa kerana individu yang diberi notis perlu menjelaskan punca harta terbabit bagi memuaskan hati SPRM sebagai agensi penyiasat," katanya selepas menghadiri Persidangan Antirasuah Asia Tenggara 2025, di sini, semalam.

Azam menegaskan, yang penting adalah memastikan sama ada pengisytiharan harta itu benar atau sebaliknya.

"Sekiranya pengisytiharan itu didapati tidak benar atau tidak mencukupi, tindakan lanjut boleh diambil," katanya.



HARIAN METRO
30.04.2025
(RABU)

KES RASUAH ADUN SABAH

Dalam proses teliti 10 rakaman video tular

Putrajaya: Analisis Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap klip video yang didakwa skandal rasuah membabitkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah berkaitan isu pelesenan lombong mineral, dijangka siap seminggu lagi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, laporan forensik terhadap 10 rakaman video yang tular sebelum ini sudah diperoleh namun agensi itu masih memerlukan masa bagi meneliti kesemua bahan bukti dengan teliti sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Saya jangka dalam seminggu lagi (hasil analisis) akan keluar. Saya pun

ada bertanya (perkembangannya) dengan pegawai saya kerana tidak mahu perkara ini dilambatkan," katanya.

Mengulas lanjut, Azam berkata, proses penelitian memerlukan masa kerana membabitkan sejumlah rakaman dan SPRM mahu memastikan siasatan dijalankan secara adil dan menyeluruh.

"Semua pihak bertanya kenapa lambat dan sebagainya. Kita kena faham, ini membabitkan 10 video, bukan satu. Jadi kita kena tengok dan teliti betul-betul.

"Kita kena adil. Kalau tidak nanti ada pihak mempertikaikan pula, adakah ini satu forensik yang adil atau tidak," katanya.



HARIAN METRO

30.04.2025

(RABU)

Terus kerjasama dengan institusi kewangan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan terus bekerjasama dengan institusi kewangan, agensi kawal selia seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguat kuasa bagi membina ekosistem pencegahan rasuah dan pengubahan wang haram yang kukuh serta menyeluruh.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, seiring dengan

peredaran masa dan ledakan teknologi digital, landskap jenayah rasuah serta kewangan telah berevolusi dengan penggunaan aset digital, pelaburan palsu, transaksi rentas sempadan dan struktur korporat yang kompleks.

“Penjenayah kewangan yang licik dan manipulatif memanfaatkan kelemahan dalam sistem penguatkuasaan dan kelompongan perundangan untuk mewujudkan rangka-

ian jenayah terancang serta sistematik sekali gus mengancam kestabilan negara,” katanya.

Azam berkata demikian ketika berucap di Program Menembak Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM Bersama ‘Compliance Officers Networking Group’ (CONG) Tahun 2025 di Lapang Sasar Kelab Menembak Sasaran Shapadu, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, SPRM akan terus berusaha membantu negara menyekat pengaliran wang haram keluar dan mengembalikan harta yang dicuri kepada negara.

Azam berkata, SPRM akan menumpukan pelaburan dalam sistem risikan kewangan, pembangunan teknologi pengesanan kecerdasan buatan (AI) dan pelaksanaan audit pematuhan yang lebih ketat. - Bernama



HARIAN METRO
30.04.2025
(RABU)



POKOK yang ditumbang dalam operasi di kawasan hutan yang diceroboh individu untuk menjadikan dusun durian di Raub, Pahang.

PENCEROBOHAN TANAH DI RAUB

Pesara kerajaan dalam radar SPRM

Oleh Latifah Arifin
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pegawai kerajaan yang sudah pencen antara individu dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes pencerobohan tanah di Raub, Pahang.

"Kita ada dalam senarai (individu dikenal past, terbahit). Kalau lebih kurang 10 tahun (kejadian berlaku), sudah tentu pegawai berkenaan ada yang sudah berpencen dan sebagainya," kata Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki.

"La cabaran kepada pegawai penyiasat saya untuk buat tracing dan semak latar belakang siapa yang bertugas ketika itu.

"La akan ambil masa sedikit terutama kepada mereka yang meneroka dan bagaimana mereka melakukannya. Keadilan dalam proses siasatan ini adalah penting," katanya lagi.

Azam berkata demikian kepada media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Persidangan Antirasuah di Asia Tenggara di Putrajaya International



AZAM

Convention Centre (PICC), Putrajaya, semalam.

Turut hadir Presiden Kesatuan Antirasuah Asia Tenggara (Seu Actions) Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Pengerusi Jawatankuasa Pengantar Persidangan yang juga Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) Datuk Seri Mustafar Ali.

Menurut Azam, setakat ini belum ada tangkapan dibuat dan pegawai penyiasat SPRM masih giat mengesan individu terbahit, termasuk pegawai kerajaan yang berkhidmat di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta pejabat daerah.

Sebelum ini, Azam memaklumkan sudah mengarahkan SPRM Pahang me-

neruskan siasatan berkaitan kes pencerobohan tanah di Raub.

Mengulas lanjut, Azam berkata, selain memberi tumpuan kepada isu tatakelola, SPRM turut meneliti bagaimana individu yang menceroboh tanah di Raub Pahang 'boleh lolos' begitu sahaja.

"Kita siasat kes berkenaan dengan teliti, bukan sahaja isu tatakelola tetapi turut melihat bagaimana selama ini kes terbahit boleh terlepas.

"Kita perlu ingat, 2025 lagi kita sudah siasat dan ia

hampir selesai. Mungkin sudah selesai di pihak pejabat tanah tetapi bagi kes yang baru ini, kita lihat bagaimana dengan penerokaan yang baru.

"Ada pokok yang berusia sekitar lapan hingga sembilan tahun, ini boleh jadi penerokaan yang lain," katanya.

Susulan itu, jelasnya, perkara terbahit akan turut diambil kira oleh Kerajaan Negeri Pahang dan SPRM akan mempertimbangkan untuk memanggil pihak yang bertanggungjawab bagi tujuan siasatan.

Terus kerjasama dengan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan terus bekerjasama dengan institusi kewangan, agensi kawal selia seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguat kuasa bagi membina ekosistem pencegahan rasuah dan pengubahan wang haram yang kukuh serta menyenarai.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, seiring dengan

peredaran masa dan ledakan teknologi digital, landskap jenayah rasuah serta kewangan telah berrevolusi dengan penggunaan aset digital, pelaburan palsu, transaksi rentas sempadan dan struktur korporat yang kompleks.

"Penjenayah kewangan yang licik dan manipulatif memanfaatkan kelemahan dalam sistem penguatkuasaan dan kelengkapan perundangan untuk mewujudkan rangka-



HARIAN METRO
30.04.2025
(RABU)



PENOLONG jurutera sebuah kementerian dan suami direman di Mahkamah Majistret Seremban, semalam.

Terima RM15,000 dua kali bayaran

Seremban: Penolong jurutera sebuah kementerian dan suaminya ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah kira-kira RM15,000 daripada syarikat pemaju.

Difahamkan, suapan berkenaan sebagai dorongan mendapatkan dokumen berkaitan projek perumahan di Selangor.

Menurut sumber, pasangan suami isteri terbabit yang berusia 30 dan 40-an ditahan jam 6 petang kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Dalam kes ini, suami kepada suspek utama iaitu penolong jurutera dipercayai bersubahat bersama

meminta suapan berjumlah RM15,000 sejak Februari hingga April 2024.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah daripada syarikat pemaju terbabit secara tunai dengan dua kali bayaran," katanya dihubungi, semalam.

Jelasnya, perintah reman selama lima hari sehingga 3 Mei ini dikeluarkan Majistret Nurul Saqinah Rosli selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret, di sini, pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
30.04.2025
(RABU)

Rasuah: Penolong jurutera, suami direman lima hari

SEREMBAN - Seorang penolong jurutera sebuah kementerian dan suaminya direman lima hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM15,000 daripada syarikat pemaju sebagai dorongan mendapatkan dokumen berkaitan projek perumahan di Selangor, tahun lalu.

Perintah reman terhadap suspek berusia 30 dan 40-an itu dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Seremban, Nurul Saqinah Rosli selepas permohonan dibuat SPRM pada Selasa.

Perintah reman tersebut bermula pada 29 April sehingga 3 Mei ini.

Menurut sumber, pasangan suami isteri tersebut ditahan kira-kira jam 6 petang Isnin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM di sini.

"Dalam kes ini suami kepada penolong jurutera yang merupakan suspek utama dipercayai bersubahat meminta suapan berjumlah RM15,000 sejak Februari hingga April 2024.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah daripada syarikat pemaju terbabit secara tunai dengan dua kali bayaran," katanya.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.



Penolong jurutera dan suaminya diiring pegawai SPRM ketika hadir ke mahkamah bagi permohonan reman.



SINAR HARIAN
30.04.2025
(RABU)

Siasatan Ismail Sabri baru 20% - Azam

SPRM akan panggil semula bekas Perdana Menteri itu dua minggu lagi untuk bantu siasatan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
dan **MUKHRIZ MAT HUSIN**
PUTRAJAYA

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dianggarkan baru sekitar 15 hingga 20 peratus.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, sesi mengambil keterangan Ismail Sabri akan bersambung dua minggu lagi.

"Ada beberapa dokumen kita minta beliau sediakan dan kes ini masih lagi berjalan seperti mana saya sebutkan kali ini adalah berhubung dengan pengisytiharan hartanya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Anti Rasuah Asia Tenggara: Recalling Jakarta Statement 2025 di sini pada Selasa.

Menurut Azam, adalah menjadi tanggungjawab pihak yang diberi notis untuk menjelaskan pemilikan harta kepada SPRM.

"Pihak kami akan memastikan sama ada harta yang diisytiharkan itu benar atau tidak menjadi kesalahan.

"Sekiranya pengesahan itu ada yang kita (dapati) peng-

isytiharan tidak benar atau tidak mencukupi," jelas Azam.

Ismail Sabri berdepan dengan siasatan kes rasuah dan perubahan wang haram berhubung perbelanjaan serta perolehan dana untuk promosi dan publisiti program Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Sebanyak RM170 juta wang tunai pelbagai mata wang dan 16 kilogram jongkong emas ditemui SPRM dalam serbuan di sebuah kondominium yang dipercayai dijadikan *safe house*.

Selain itu, 13 akaun membabitkan nilai lebih RM2 juta disita bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian persidangan tersebut, Azam berkata, kebebasan institusi dalam membanteras rasuah perlu disokong dengan kepercayaan awam dan sistem akauntabiliti yang kukuh.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang digariskan dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah, khususnya Artikel 36 yang menggesa penubuhan badan penguatkuasaan antirasuah yang bebas dan profesional.

"Pengalaman kami menunjukkan kebebasan institusi mesti disertai dengan akaunta-



ISMAIL SABRI



AZAM

biliti dan kepercayaan awam.

"Bebas daripada campur tangan sahaja tidak mencukupi, kami juga mesti mendapat kepercayaan daripada masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, agensi antirasuah Asia Tenggara sepakat memperkukuh kerjasama serantau dalam usaha mencegah dan membanteras rasuah menerusi peneraian Deklarasi Putrajaya.

Deklarasi yang disepakati oleh lapan negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Laos, Myanmar, Singapura, Timur Leste dan

Kemboja itu meletakkan tujuh keutamaan terhadap kebebasan, ketelusan dan keberkesanan agensi anti-rasuah sebagai tunjang kepada tadbir urus baik dan pembangunan mampan di rantau ini.

Ia dibacakan bersama oleh Azam dan Ketua Komisi Pembanteras Korupsi (KPK) Indonesia, Setyo Budiyo di persidangan berkenaan.

Antara yang dipersetujui dalam Deklarasi Putrajaya itu adalah sokongan padu terhadap penubuhan serta pengukuhan agensi antirasuah bebas di semua negara.

Deklarasi Putrajaya itu merupakan satu langkah signifikan yang mencerminkan komitmen bersama negara-negara Asia Tenggara dalam membina masa depan yang bebas daripada rasuah.





SINAR HARIAN
30.04.2025
(RABU)

Ceroboh tanah Raub: SPRM sudah ada senarai untuk dipanggil

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mempunyai senarai individu yang akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung pencerobohan tanah yang dijadikan kebun durian di Raub, Pahang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, senarai itu turut meliputi pegawai kerajaan yang telah pencen.

"Kita menyiasat kes berkenaan dengan teliti dan bukan sahaja melihat kepada isu tatakelola tetapi mahu merungkai bagaimana selama ini pihak berkenaan boleh terlepas meneroka tanah kerana perlu diingatkan sejak 2021 SPRM telah siasat," katanya

di sini pada Selasa.

Menurut Azam, bagi kes tersebut, separuh daripada peneroka terbabit mendakwa mereka telah melakukan kerja penerokaan sejak 1974.

"Jika penerokaan itu dilakukan sejak 1974, mungkin usia pokok di tanah berkenaan lebih kurang 50 tahun.

"Tetapi terdapat juga pokok yang berusia lapan atau sembilan tahun, ini penerokaan yang lain.

"Kalau kes itu lebih kurang 10 tahun lepas, sudah tentu pegawai terlibat sudah pencen. Jadi menjadi cabaran kepada pegawai penyiasat saya untuk membuat siasatan latar belakang siapa bertugas. Ini mungkin masa sedikit," ujarnya.



Gambar fail operasi pembersihan kawasan yang diceroboh pekebun durian di Sungai Klau, Raub.



SINAR HARIAN
30.04.2025
(RABU)

Rasuah C4i: 23 individu direkod keterangan

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merekodkan 23 keterangan individu berhubung siasatan perolehan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan Sistem Command & Control, Communication & Computer Integration (C4i) bernilai kira-kira RM15 juta.

Menurut sumber, keterangan itu melibatkan saksi dan individu yang ditahan dalam kes ini.

"Setakat ini tiada tangkapan baharu dan kes masih dalam siasatan.

"Jumlah pembekuan akaun kes berkenaan setakat ini ialah RM7.6 juta," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian

Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi memaklumkan kes berkenaan masih dalam tindakan pihaknya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan pengarah syarikat, ketua pegawai kewangan (CFO) dan dua pegawai polis antara enam individu ditahan pada Rabu lepas kerana disyaki terbabit tuntutan palsu bagi perolehan berkenaan.

Keenam-enam individu termasuk seorang wanita berusia lingkungan 30 hingga 50-an ini kemudian direman tujuh hari sehingga 30 April.

Susulan itu, pada Jumaat, seorang lagi pegawai polis lelaki berusia 54 tahun ditahan untuk membantu siasatan.



SINAR HARIAN
30.04.2025
(RABU)

Laporan forensik video rasuah ADUN Sabah siap seminggu lagi

PUTRAJAYA - Laporan forensik 10 rakaman video dakwaan rasuah membabitkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sabah dijangka dikeluarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh seminggu lagi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tempoh siasatan memerlukan sedikit masa kerana ia melibatkan banyak rakaman video.

"Laporan forensik membabitkan 10 rakaman ADUN Sabah itu sudah ada. Saya jangka dalam seminggu lagi akan keluar laporan.

"Mereka (pegawai penyiasat) memerlukan masa sedikit lagi kerana ada 10 rakaman video, bukan satu video.

"Jadi perlu tengok dan teliti sebab kita perlu adil kerana takut ada pihak yang memper-tikaikan keadilan proses ini," katanya di sini pada Selasa.

Pada 10 April lalu, Azam memaklumkan sebanyak 10 video yang dikemukakan kepada SPRM berhubung dakwaan rasuah melibatkan ADUN Sabah sedang di-analisis.

Beliau berkata, penelitian rapi perlu dilakukan sebagaimana lapan video yang disiarkan oleh sebuah portal sebelum ini.

Beliau turut memaklumkan siasatan terhadap lapan ADUN terbabit dan seorang individu tetap diteruskan walaupun kesahihan video tersebut masih belum disahkan.